



MANUAL KHUTBAH JUMAAT




TAJUK ;
SERANGAN DAN
PENGHINAAN TERHADAP
ISLAM MASA KINI



ISLAMIC SALVAGEUR OBEYANCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"SERANGAN DAN PENGHINAAN TERHADAP ISLAM MASA KINI".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : إِنَّ الَّذِينَ يُؤْذُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ لَعَنَهُمُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأَعَدَّ لَهُمْ عَذَابًا مُهِينًا ﴿٥٧﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آئِلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَارَ الْمُتَّقُونَ.</p>	4
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾</p>	
<p>Muslimin yang dirahmati Allah SWT,</p> <p>Saya berpesan kepada diri saya dan hadirin jemaah sekalian marilah bersama-sama kita memperkasakan ketakwaan kepada Allah SWT sebenar-benar takwa dengan melaksanakan segala perintah dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat kejayaan di dunia dan akhirat.</p>	5
<p>Khutbah pada hari ini akan menerangkan perihal perihal isu yang berlaku beberapa tahun sebelum ini iaitu "SERANGAN DAN PENGHINAAN TERHADAP ISLAM MASA KINI."</p> <p>Hadirin yang dikasihi Allah SWT sekalian,</p>	6



Kemudahan teknologi yang terdapat dirangkaian internet pada hari ini membolehkan segala informasi terkini dapat dicapai semudah dihujung jari. Namun begitu, sejak kebelakangan ini penyalahgunaan fakta dan maklumat tentang Islam di masa kini disalah tafsirkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mewujudkan unsur-unsur *kegelisahan* antara kaum yang hidup secara aman damai sejak sekian lama.

7

Perlu kita fahami, aspek penghinaan dan tohmahan terhadap mana-mana agama dan bangsa tidak menyumbang kepada pembinaan negara bangsa yang harmoni sebaliknya akan mengeruhkan hubungan masyarakat berbilang kaum yang terjalin sejak sekian lama.

8

Hadirin jumaat yang dirahmati Allah,

Senario yang berlaku ini janganlah dianggap perkara biasa atau tidak penting dalam jiwa nurani masyarakat Islam. Malah situasi ini boleh mencetuskan kebencian kaum yang serius apabila tidak dikawal secara baik. Ini dapat dilihat, terdapat banyak cercaan, tohmahan dan fitnah yang dilaporkan di media-media sosial terhadap agama Islam. Terdapat kenyataan-kenyataan berunsur emosi dan provokasi dilontarkan demi menyemai fitnah tanpa henti.

9

Bagi umat Islam yang beriman, berpandukan kepada kitab suci al-Quran kita ditegah untuk menghina apatah lagi mencaci agama lain. Ini dapat difahami melalui surah al-An'am Ayat 108 :

وَلَا تَسُبُّوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِن دُونِ اللَّهِ فَيَسُبُّوا اللَّهَ عَدْوًا بِغَيْرِ

10

عِلْمٍ



<p><i>“Dan janganlah kamu cerca benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, kerana mereka kelak, akan mencerca Allah secara melampaui batas dengan tiada pengetahuan.”</i></p>	11
<p>Menurut Dr. Wahbah Al-Zuhaili dalam tafsir Al-Munir, hukum ayat ini adalah kekal larangan menghina segala kebesaran agama lain kerana dengan menghina mereka akan memberi ruang kepada mereka untuk membalas balik menghina agama Allah dan Rasulullah SAW. Ini sesuai dengan kaedah saddul zara’i iaitu mencegah atau menyekat perkara-perkara yang membawa kerosakan.</p>	12
<p>Kita perlu sedar bahawa hikayat penghinaan dan tohmahan terhadap agama Islam bukanlah baru bermula pada hari ini malah naratifnya bermula sejak zaman baginda SAW mula menyebarkan dakwah Islam lagi. Cukuplah ibrah dan asbab an-nuzul dalam surah al-Lahab dan Surah al-Kautsar menjadi bukti jelas Allah SWT itu menjadi sebaik-baik pelindung kepada Rasulullah SAW dari penghinaan, tohmahan dan fitnah golongan musyrikin yang bencikan Islam.</p> <p>Hadirin sekalian,</p>	13
<p>Realitinya, jika diteliti isu penghinaan terhadap Islam di masa kini berkisar kepada mempersendakan Allah, memuat naik hantaran bersifat jelik menghina Nabi Muhammad SAW sepertimana dilakukan oleh beberapa individu menerusi akaun facebook mereka, antaranya seorang lelaki yang menggunakan nama Alvin Chow dalam akaun laman sosialnya telah menghina agama Islam, Nabi Muhammad SAW dan Saidatina A’isyah Radhiallahu’anha, isteri baginda Nabi SAW. Begitu juga amalan-amalan ibadat agama Islam adalah antara perkara yang sering ditularkan di media sosial.</p>	14



Bagi umat Islam, menjadi kewajipan bagi kita menjaga kesucian agama Islam dari terus diperkotak katikkan dan dipandang serong sepanjang masa. Kesucian agama Islam perlu dipelihara ibarat menggenggam bara api biar sampai menjadi debu. Ini kerana Islam itu kekal dilihat sebagai agama yang mempunyai 'izzah (sangat mulia dan dipandang tinggi).

15

Hadis daripada A'idz bin Amru Radhiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الإِسْلَامُ يَعْلو وَلَا يُعَالَى

"Islam itu tinggi dan tidak ada yang lebih tinggi dari Islam."

(Riwayat al-Baihaqi).

16

Meskipun senario tohmahan dan kecaman yang berlaku tidak dilakukan secara konsisten setiap waktu dan masa namun apabila terdapat perkara yang membabitkan agama Islam kita akan dapati terdapat hantaran-hantaran jelik dimuat naik di media sosial. Kesan tohmahan dan fitnah ini sangat serius dan bahaya kerana ia dapat membangkitkan api kemarahan dalam kalangan masyarakat Islam di negara ini. Oleh itu, pihak berkuasa agama perlu mengambil tindakan yang lebih tegas dan konkrit terhadap pelaku jenayah tersebut dengan mewujudkan tindakan pendakwaan di Mahkamah Syariah. Tindakan ini dilihat, agar perbuatan ini tidak akan berulang lagi dan dapat memberi kesan dan pengajaran mendalam terhadap lapisan masyarakat agar peka dan sensitif terhadap isu-isu berkaitan agama khususnya agama Islam. Ketahuilah sesungguhnya Allah SWT memuliakan semua anak cucu Adam dengan tidak mengira bangsa, etnik malah agama mereka dan Allah juga telah melebihkan mereka daripada makhluk yang lain

17



sepertimana Firman-Nya dalam surah al-Isra' ayat 70:

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِّنَ
الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا ﴿٧٠﴾

18

"Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan."

19

Elemen penghinaan dan tohmahan agama di masa kini khususnya terhadap agama Islam perlu segera dihentikan dengan beberapa aspek penguatkuasaan perlu diperketatkan untuk menjamin keharmonian negara bangsa agar sifat prejudis dan buruk sangka dalam hubungan sosialisasi masyarakat berbilang kaum dapat dihindarkan. Tindakan perundangan semaksimum mungkin perlu dilaksanakan bagi menjaga kesucian agama dan kesejahteraan Negara. Ia bukan sekadar membayar denda ratusan ringgit dan penjara beberapa bulan seperti melepaskan batuk ditangga bahkan hukumannya perlu lebih keras dan setimpal penghinaan yang disebarkan seterusnya dapat memberi pengajaran dan menginsafkan pemfitnah lain demi memertabatkan kesucian agama Islam. Ini kerana isu ini dilihat masih berulang lagi hari demi hari malah sukar dibendung ibarat mencurah air pada daun keladi.

20



Sebagai umat Islam, marilah kita menampilkan sikap saling menghormati dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum dan agama kerana ia merupakan teras perpaduan negara. Begitu juga, kewujudan laman sosial seperti *Facebook*, *Twitter* dan *Instagram* dilihat dapat menjadi medium dakwah baru untuk berkomunikasi dengan golongan sasaran yang kurang memahami tentang Islam dengan lebih mesra dan berkesan. Ia merupakan corak baru dakwah Islam agar kefahaman tentang Islam dapat disebarkan kepada khalayak yang diseru. Hal ini perlu kita sedari, hikmah kepelbagaian etnik, bangsa dan keturunan yang tentunya melahirkan kepelbagaian budaya, gaya hidup, corak pemikiran serta kepercayaan dan keyakinan menjadikan hidup ini menjadi lebih indah untuk dikongsi bersama.

21

Hadirin sidang Jumaat sekalian,

Tausiyah dan pengajaran yang dapat diambil daripada khutbah pada hari ini adalah:

1. Umat Islam hendaklah meyakini bahwa agama Islam adalah agama yang benar dan unggul dari agama-agama yang lain.
2. Umat Islam dilarang melakukan penghinaan dan tohmahan terhadap mana-mana agama kerana ianya akan mengeruhkan hubungan masyarakat berbilang kaum.
3. Umat Islam hendaklah menjauhkan diri daripada sikap dan tindakan melampau atau ekstrimis yang boleh menjejaskan imej Islam sebagai agama yang menegakkan keamanan dan kesejahteraan sejagat.
- 4.

22



<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لَا تَغْلُوا فِي دِينِكُمْ غَيْرَ الْحَقِّ وَلَا تَتَّبِعُوا أَهْوَاءَ قَوْمٍ قَدْ ضَلُّوا مِنْ قَبْلُ وَأَضَلُّوا كَثِيرًا وَضَلُّوا عَنْ سَوَاءِ السَّبِيلِ</p> <p style="text-align: right;">﴿٧٧﴾</p>	23
<p><i>"Katakanlah: Wahai Ahli Kitab! Janganlah kamu melampau dalam agama kamu secara yang tidak benar dan janganlah kamu menurut hawa nafsu suatu kaum yang telah sesat sebelum ini dan telah menyesatkan banyak manusia dan juga (sekarang) mereka telah tersesat (jauh) dari jalan yang betul."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(al-Maidah : 77).</i></p>	24
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	30
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ</p>	31



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.
5	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
6	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
7	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
8	اللَّهُمَّ اعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.



اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،	9
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	10
اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَغْكَوْ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،	11
فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.	12
Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).	16
Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati, jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan.	17



اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.	18
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾	19
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٢١﴾	20
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	21